

KWSP: Majikan bantah

syor

MTUC--

31 - 7 APR 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) membantah **saranan** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan **memperkenalkan** aitematif kepada dua peratus **sumbangan** pencarum kepada **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**.

Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin **Bardan**, dalam **satu** kenyataan hari ini, berkata cadangan MTLJC supaya Elaun **Bantuan Khas (SRA)** atau Elaun Kos Sara **Hidup (COLA)** diberi kepada pekerja, bukan alternatif yang sesuai.

"**COLA** atau **SRA** diperkenalkan **pada** 1970 berikutan peningkatan kos **sara hidup**, tetapi kemudian kebanyakan syarikat dan sektor swasta **menggabungkannya** dengan gaji bulanan pekerja.

"Justeru, permintaan **MTUC** ini ternyata **tidak wajar** dan keinginan mereka memperkenainya **semula** sudah tentu menambah kos **operasi** dan **pengeluaran** majikan, sekali gus menjejaskan **daya saing** syarikat.

"MTUC perlu sedar **sebarang** permohonan **peningkatan** gaji atau elaun ini boleh dibuat **ketika** perjanjian bersama dirunding **semua** setiap tiga tahun **sekali** antara **majikan** dan **wakil** pekerja," katanya.

Baru-baru ini, Presiden MTUC, Senator **Zainal Rampak**, berkata **pengenalannya** **satu** daripada elaun itu dapat menambah lagi kuasa **membeii** pekerja dan **secara** tidak langsung, **merancakkan** kegiatan ekonomi.

Katanya, elaun yang dirangka mengikut kawasan itu akan membolehkan pekerja **hidup** selesa dengan pendapatan **bertambah** dan memberikan mutu **kehidupan** yang lebih baik kepada **mereka** dan keluarga.

Sebaiknya, Shamsuddin **menjelaskan** 'majikan juga perlu meningkatkan **daya saing** seperti yang disarankan Perdana Menteri. **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** ketika **membentangkan** rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi menghadapi cabaran dalam ekonomi dunia **tanpa** semoadan.